

**PENDAPATAN MRT**

Sewa ruang runcit, iklan  
diunjur sumbang  
RM20.5j setahun **Ms.B1**

# MRT Corp sasar RM20.5j pendapatan bukan tiket

➔ Unjuran  
bakal  
dipacu  
sektor iklan,  
sewa ruang  
runcit

**Oleh Hazwan Faisal  
Mohamad**  
hazwanfaisal@bh.com.my

**M**ass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menjangkakan pendapatan daripada segmen bukan tiket akan menyumbang RM20.5 juta atau

antara tujuh hingga 10 peratus setahun kepada syarikat.

#### **Pengiklanan sumbang RM18j**

Pengarah Pengurusan Tanah dan Komersialnya, Datuk Haris Fadzilah Hassan, berkata ia akan disumbangkan oleh pendapatan daripada pengiklanan sebanyak RM18 juta dan selebihnya daripada sewa ruang runcit di stesen MRT.

Katanya, biarpun hasil daripada sewa ruang runcit lebih rendah daripada pengiklanan, namun ia memainkan peranan penting menghubungkan pengguna dengan stesen dan tren.

“Ketika ini, kita mengumumkan 15 syarikat dahulu yang terpilih untuk mengendalikan ruang runcit di 19 stesen bertingkat bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

➔ **Lihat Ms.B2**

## 15 syarikat berjaya bida ruang runcit

← **Dari Ms.B1**

“Pada akhir tahun ini, kita akan membuka permohonan untuk mengisi tujuh lagi ruang runcit bagi stesen bawah tanah dan semua syarikat yang berminat boleh cuba memohon,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis mengumumkan senarai syarikat yang terpilih mengendalikan ruang runcit di 19 stesen bertingkat MRT Sungai Buloh-Kajang, di Pusat Informasi MRT di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas pemilihan 15 syarikat itu, Haris berkata, syarikat terbabit adalah antara 49 yang memohon pada April lalu.

Katanya, proses bidaan dibuka dengan harga minimum sewa antara RM1,200-RM3,500 bagi setiap ruang runcit bergantung kepada lokasi stesen.

#### **Syarat tender**

Beliau berkata, setiap syarikat kemudian menghantar kadar sewa yang mereka mampu bayar dalam tender terbuka itu. Syarat lain dalam tender itu termasuk status kewangan dan pelan perniagaan syarikat.

“Proses bidaan dibuat bagi memastikan ketelusan dalam menganugerahkan ruang runcit itu kepada syarikat yang layak.

“Proses ini juga untuk memastikan ruang runcit kami diberi kepada perniagaan yang terbaik. Ia sekali gus membolehkan syarikat mendapat pulangan terbaik dalam menyewakan ruang runcit ini yang juga sebahagian daripada sumber pendapatan penting MRT Corp,” katanya.

#### **Info**

#### **Syarikat terpilih kendali ruang runcit laluan MRT Sungai Buloh-Kajang**

- ➔ **FBC Resources Sdn Bhd**
- ➔ **RB Gurney Sdn Bhd**
- ➔ **Noras Delight**
- ➔ **AJ Delicacies**
- ➔ **CTC Bekalan & Binaan**
- ➔ **Watson's Personal Care Stores**
- ➔ **Circle K Malaysia Sdn Bhd**
- ➔ **7-Eleven Malaysia Sdn Bhd,**
- ➔ **Infra Alfa Sdn Bhd,**
- ➔ **Mega Riajaya Sdn Bhd,**
- ➔ **Sugar Heritage Sdn Bhd,**
- ➔ **Monza Elegant Resources,**
- ➔ **Maxincome Resources Sdn Bhd**
- ➔ **Junshui Enterprise**

**Datuk Haris Fadzilah Hassan,**  
Pengarah Pengurusan Tanah  
dan Komersial, Mass Rapid  
Transit Corporation Sdn Bhd

